

**Kesediaan Najib Berbincang Serlah Sifat Pemimpin Berani, Telus  
Bernama  
5 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Kesediaan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak untuk berbincang secara terbuka dengan sesiapa sahaja menunjukkan beliau seorang pemimpin berani dan telus.

Ketua Penerangan Umno Datuk Ahmad Maslan percaya langkah itu bukan bagi meraih populariti, sebaliknya atas kesedaran Najib bahawa ia untuk kebaikan negara secara menyeluruh.

"...mungkin beliau (Najib) boleh bercakap dengan kepimpinan mahasiswa, NGO (Pertubuhan Bukan Kerajaan) ataupun wakil pihak swasta untuk mendapatkan input yang baik," katanya kepada pemberita sebelum melancarkan tabung kebajikan dan merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan kedua Persatuan Jurufoto Media (MPPA) Isnin malam.

Ahmad mengulas entri terbaru Perdana Menteri dalam [www.1Malaysia.com.my](http://www.1Malaysia.com.my) yang mengumumkan kesediaan beliau untuk berbincang mengenai politik dengan sesiapa sahaja yang mempunyai pemikiran munasabah dan serius tentang masa depan negara.

Pada majlis itu, keluarga jurukamera Bernama TV Allahyarham Noramfaizul Mohd Nor menerima sumbangan RM5,000 daripada Nikon.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650129>